

BAB VI

PERKEMBANGAN KEKUATAN SOSIAL POLITIK 1988-1993

Parti politik ialah suatu lembaga yang diberi kuasa menyalurkan suara rakyat dalam kehidupan demokrasi. Namun terhadapnya kegiatan parti-parti, kerana tidak sampai ke desa-desa, maka yang dapat menyelami aspirasi rakyat secara langsung adalah organisasi masyarakat, yang juga telah terhad dengan asas tunggal Pancasila dan tokoh-tokoh serta pemerhati politik. Dalam bab ini akan dibincangkan. Pertama, pandangan keterbukaan dalam kehidupan sosial politik, sebagai harapan adanya pembaharuan politik. Kedua, usaha pemerintah merangkul umat Islam, sebagai usaha mencari kekuatan baru. Ketiga, pelbagai tanggapan tentang isu "suksesi" dan pilihan raya 1992.

Banyak isu-isu perubahan politik yang disuarakan oleh masyarakat yang sebahagian kurang disenangi oleh pemerintah. Namun pemerintah merasa yakin perubahan itu tidak sampai disuarakan oleh parti-parti di DPR/MPR, kerana pemerintah memiliki kuasa mengatur kehidupan parti dalam menyusun calon-calon anggota DPR. Apatahlagi pemerintah telah berjaya menarik simpati masyarakat Islam yang selama ini menaruh perasaan curiga terhadap pemerintah dengan pelbagai kebijaksanaan yang menguntungkan umat Islam.

Kajian lebih banyak ditumpukan kepada pelbagai pandangan dari kelompok-kelompok masyarakat. Berasaskan pengalaman kehidupan politik selama pemerintahan Orde Baru, fungsi tiga

parti politik banyak ditentukan oleh suara-suara yang berkembang dalam masyarakat, sama ada dari tokoh masyarakat atau politik yang berada diluar pemerintah atau dalam pemerintah.

Kuasa utama pemerintah adalah pada Presiden dan ABRI, maka keterbukaan dan 'suksesi' yang ramai dibincangkan masyarakat secara bebas adalah kerana hal tersebut disuarakan oleh tokoh-tokoh kritis dalam ABRI di DPR. Namun keputusan akhir tergantung kepada kemahuan baik Presiden. Apabila Presiden Suharto merestui perubahan yang disuarakan oleh masyarakat, maka hal itu akan terwujud, seperti merestui berdirinya ICMI sebagai lambang dekatnya umat Islam dengan pemerintah. Sebaliknya apabila Presiden Suharto tidak merestui, tidak sesiapa yang dapat mencabarnya. Hal ini sebagai bukti betapa kuatnya kuasa Presiden dalam sistem demokrasi Indonesia.

A. Pandangan Keterbukaan Dalam Sosial Politik

Pada bulan Mei 1989 Menteri Dalam Negeri, Rudini menerima pernyataan Duta Besar Amerika Serikat, Paul Wolfowitz mengenai perlunya Indonesia meningkatkan keterbukaan dalam bidang politik, setelah berjaya dalam bidang ekonomi berkat adanya kebijaksanaan pengurangan peraturan "deregulasi"¹. Wolfowitz yang telah mengikuti perkembangan di Indonesia selama bertugas di negara ini memahami mengapa 20 tahun terakhir di Indonesia terdapat keutamaan stabiliti yang berlebihan. Namun akhir-akhir ini semakin dirasakan perlunya peluang untuk kemungkinan perubahan, negara-negara yang menahan revolusi

informasi adalah tertutup dan ternyata tidak maju.²

Selama beberapa tahun dibawah pemerintah Orde Baru, dengan alasan pembangunan rakyat lebih banyak dimobilisasi untuk mendukung. Sementara untuk melakukan pengawasan, kritik, masyarakat ramai merasa takut, kerana dibayang-bayangi undang-undang subversif, ancaman "cekal", iaitu suatu istilah mengandungi erti mencegah dan menangkai atas kebebasan berbicara dan bergerak bagi seseorang dan "recall", iaitu memperhentikan anggota DPR. Tokoh-tokoh politik dan orang ramai merasa takut kepada pemerintah menyatakan pendapat yang berbeza, apalagi mengkritik. Banyak orang memilih jalan selamat sama ada dengan berdiam diri atau ikut hanyut mendukung apa yang diinginkan pemerintah, melalui suatu upacara yang disebut "apel kebulatan tekad". Upacara penyambutan pegawai tinggi negara secara adat yang memerlukan biaya besar, 'merunduk-runduk' dihadapan pembesar, tetapi bersikap angkuh kepada rakyat.³ Sudah tentu dengan adanya gejala keterbukaan yang dibincangkan oleh tokoh-tokoh politik dan pihak pemegang kekuasaan yang membawa kelegaan masyarakat. Sebagai pertanda kearah adanya 'demokratisasi' dalam kehidupan politik di Indonesia.

Banyak pihak memberi pandangan tentang ciri-ciri keterbukaan. Pertama, bebas berbicara atau mengkritik pemerintah, termasuk kebebasan 'pers' sebagai wujud partisipasi politik rakyat. Kedua, DPR yang 'dinamis' dengan adanya tokoh-tokoh kritis, berani menyuarakan aspirasi rakyat. Ketiga, kelompok pembangkang diberi kebebasan menyuarakan keinginannya. Keempat, ABRI dan birokrasi tidak mencampuri pelaksanaan pilihan

raya dan isu 'suksesi' dapat dibincangkan secara terbuka.

A.1. Keterbukaan yang "Kabur"

Dalam pelbagai kesempatan pada bulan Julai 1989 Presiden Suharto menyatakan pandangannya tentang keterbukaan. Pertama, perlunya ditingkatkan dialog dengan generasi muda atau juga mahasiswa. Kedua, kebebasan menyampaikan aspirasi dibatasi oleh idiologi Pancasila, Konstitusi negara dan ketetapan wakil rakyat. Ketiga, perbezaan pendapat adalah unsur yang mustahak dalam demokrasi, namun jangan dibiarkan menjadi benih akan pecahnya perpaduan bangsa.⁴ Pernyataan Presiden Suharto ini dipertegas kembali oleh sejumlah Menteri. Tampaknya pemerintah belum dapat menanggalkan pendekatan "keamanan" dalam kehidupan politik sebagai tuntutan keterbukaan yang disuarakan oleh masyarakat. Namun sebagai pertanda keterbukaan yang diinginkan pemerintah adalah akan ditubuhkannya Mahkamah Tata Usaha Negara.⁵ Pandangan Presiden nampaknya memberi kesan bahawa keterbukaan itu bermakna kebenaran berbeza pendapat dalam pelaksanaan pembangunan yang telah dirancang pemerintah. Tidak ada maksud untuk melaksanakan pindaan kebijaksanaan dalam politik, seperti mencabut SIUPP, (Surat Izin Usaha Penerbitan Pers) sebagai alat bagi pemerintah untuk mengharamkan surat khabar yang tidak sejalan dengan keinginan pemerintah.

Pada bulan Jun 1993 Menteri Riset Dan Teknologi, B.J.Habibie menjemput tetamu khas. Pertama, kelompok Petisi 50 yang dipimpin oleh Ali Sadikin. Kedua, rombongan Jenderal ABRI yang telah bersara. Dikhabarkan Presiden Suharto telah

enyetujui penjemputan para tokoh pembangkang ini. Banyak pemerhati politik menilai langkah yang dilakukan Habibie ini ketingkat menuju berakhirnya pengenebian politik. Jika tahun ilam Menko Polkam, Sudomo menganjurkan agar Petisi 50 meminta maaf pada Presiden, kali ini mereka malah seperti tokoh politik yang mendapat pengampunan atas dosa-dosanya.⁶ Banyak tokoh Petisi 50 yang telah dihukum kerana terlibat peristiwa Tanjung Priok mendapat pengurangan hukuman, sebagai pertanda bahawa pemerintah mengurangi ketegangan dengan kelompok pembangkang.

Pada pidato Presiden 16hb Ogos 1993 menunjukkan bahawa Presiden Suharto seolah-olah membuka diri untuk pembetulan dan diajari, disamping didukung. Presiden berucap bahawa dukungan ini menambah keyakinannya untuk menimbang-nimbang kembali kebijaksanaan pemerintah yang dia putuskan. Pengawasan akan mencegahnya dari kekeliruan yang tidak mustahak terjadi.⁷ Pidato Presiden ini membuat kelegaan banyak tokoh politik, khususnya bagi kalangan pembangkang yang selama ini selalu mendapat amaran larangan berbicara dan berpergian keluar negara dan amaran pemberhentian bagi anggota DPR yang membangkang. Namun banyak pemerhati politik menilai sepanjang belumdanya perubahan struktur dalam kehidupan politik Indonesia, maka tindakan keterbukaan itu hanyalah slogan politik sahaja.

2.2. Perbincangan Keterbukaan Dalam MPR/DPR dan Tokoh Politik

Suara keterbukaan di DPR, dalam Orde Baru pertama kali diisuarakan oleh tokoh-tokoh kritis dari ABRI, seperti Syamsudin dan Reokmini. Ia menyatakan bahawa dalam kehidupan sehari-

hari orang merasakan cabaran-cabaran dalam komunikasi politik. Kemudian pandangan ini ramai dibincangkan, sama ada ahli DPR atau tokoh dan pemerhati politik. Pandangan tokoh ABRI ini sudah banyak dituntut oleh tokoh-tokoh politik, khasnya diluar pemerintah sepanjang pemerintahan Orde Baru. Namun kerana yang menyuarakannya adalah kalangan ABRI, maka secara terbuka masyarakat meluahkan aspirasi mereka. Hal ini sebagai pertanda suatu perubahan sangat ditentukan oleh kemauan pelaksana pemerintahan, iaitu Presiden dan ABRI.

Setia Usaha fraksi Golkar, A.A.Oka Mahendra berpendapat bahawa keterbukaan politik di Indonesia akan tumbuh jika eksekutif dan DPR sama-sama kuat. Dia menganggap DPR telah terbuka terhadap masyarakat untuk mendukung kearah keterbukaan politik. Namun katanya sama ada berperanan atau tidaknya DPR tergantung dengan lembaga-lembaga lain. Oleh itu, perlu melaksanakan fungsi lembaga negara sesuai dengan konstitusi.⁸ Sedangkan Timbalan Setia Usaha fraksi Golkar, Marzuki Darusman memberikan pandangan bahawa keterbukaan yang diinginkan oleh fraksi Golkar adalah seperti yang dilontarkan oleh Ketua Umum DPP Golkar, Wahono, iaitu sikap berani menyatakan "benar terhadap apa yang benar dan salah terhadap yang salah."⁹ Tokoh Golkar yang lain di MPR, Bambang Warihkoesoemo mengharapkan pengangkatan Menteri oleh Presiden dalam kabinet mendatang dimesyuaratkan dengan DPR, agar seorang Menteri tidak begitu mudah berlindung dibalik kuasa Presiden.¹⁰ Agaknya fraksi Golkar dan ABRI sudah bersepakat untuk menciptakan iklim baru yang memungkinkan agar DPR lebih berfungsi.

Tokoh-tokoh partai politik memberikan komen terhadap fungsi DPR, Setia Usaha Umum DPP PPP, Mardinsyah berpendapat bila hendak melaksanakan fungsi DPR, maka 'peraturan tata tertib' DPR dirubah. Sedangkan Soerjadi, Ketua Umum DPP PDI menyatakan bahwa rumusan tata tertib DPR merupakan kehendak politik yang bersumber dari pemerintah. Menurut kedua tokoh partai non-pemerintah ini bahwa dalam undang-undang sudah ada rumusan keterbukaan, namun dalam pelaksanaannya belum terwujud. Kenyataan bahwa keterbukaan tidak akan terwujud, ahli partai politik selalu dibayang-bayangi rasa takut, kerana sememangnya selalu ditakut-takuti.¹¹

Kolonel Reokmini Soedjono dari fraksi ABRI berucap bahawa kurang lancarnya komunikasi politik, seperti adanya tuntutan masyarakat yang tidak tertampung dalam proses politik sebagai akibat kecurigaan. Masalah ini juga bersumber dari berkembangnya mental "priyayi" yang berorientasi kepada kekuasaan, sikap mental ini mempengaruhi para birokrasi.¹² Selama dua tahun terakhir dengan menyimak isi surat khabar bahawa komunikasi politik terhambat oleh adanya "sensor pers", akhirnya pers berubah menjadi buletin pemerintah. Akibatnya lahir demonstrasi-demonstrasi mahasiswa. Semua penyebab utamanya adalah kerana tidak adanya keterbukaan politik.¹³

Dalam mesyuarat Komisi II DPR, DPR menjemput dua orang tokoh mewakili pemerhati politik, iaitu Jeneral Soemitro, bekas Pangkokamtib dan Alfian, seorang cendikiawan. Menurut Soemitro selama ini tidak pernah ada persaingan yang terbuka diantara calon-calon pemimpin, yang ada adalah bisik-bisik.¹⁴

Beberapa persyaratan keterbukaan politik di Indonesia menurutnya. Pertama, adanya kebebasan sistem politik, dimana Golkar tidak langsung hubungkait dengan pemerintah, dan parti-parti menjadi parti massa yang dapat membentuk dukungan diseluruh peringkat masyarakat. Kedua, pindaan sistem pilihan raya dari 'sistem proporsional' menjadi sistem distrik, parti-parti politik dapat membina calon-calon di daerah-daerah. Perubahan undang-undang parti politik dengan menghapuskan sistem "floating mass" menuju parti politik menjadi parti massa. Ketiga, perkara-perkara keterbukaan yang telah bergema dalam masyarakat harus dibincangkan secara bebas. Keempat, dalam keadaan tertentu para Menteri juga dapat mempertanggung jawabkan kuasanya dihadapan DPR. Kelima, pemilihan Presiden melalui pemungutan suara dari anggota MPR, diatas kemampuan calon mempertahankan pelbagai programnya.¹⁵ Pandangan Sumitro juga sudah disuarakan oleh tokoh politik yang kritis sama ada di parlimen atau diluar parlimen, tetapi kurang berkesan.

Pandangan Alfian yang juga agak sependapat dengan Arief Budiman, seorang pakar sosiologi menyatakan bahawa belum jelas batas-batas apa yang boleh dibincangkan secara terbuka, kerana adanya perbezaan pandangan dari pelbagai kalangan tentang stabiliti nasional. Hakikatnya rumusan keterbukaan adalah rundingan bersama, bukan penguasa yang langsung memutuskan.¹⁶ Arief Budiman lebih tegas lagi bahawa keterbukaan yang dibincangkan sekarang bukanlah pertanda rakyat semakin kuat, tetapi kerana adanya perpecahan tokoh politik yang berkuasa diperingkat atas. Bagi pihak yang menginginkan keterbukaan, dia memin-

jam suara rakyat sebagai dukungan. Sementara pihak lain yang dianggap 'kuasa' akan mengertikan keterbukaan menurut persepsinya sendiri. Hal ini nampak jelas dari ucapan Menko Polkam, Sudomo terhadap pendapat para pakar tentang keterbukaan sebagai "tidak tahu persoalannya" dan dianggap "asal meniru".¹⁷

Berkenaan dengan tuntutan keterbukaan, surat khabar *Merdeka* pada 17hb Oktober 1989 melakukan temubicara dengan beberapa orang tokoh terdiri dari tokoh 1966, bekas Ketua DPR, Daryatmo, Setia Usaha MUI, (Majelis Ulama Indonesia), HS.Projokusumo dan Fakhri Ali pakar dari LP3ES, (Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial). Tokoh-tokoh tersebut sepakat bahawa masyarakat menuntut adanya keterbukaan politik. Masyarakat sulit menyalurkan aspirasinya, sebab mekanismenya kurang menunjang. DPR belum dapat disebut sebagai penyalur aspirasi rakyat, tetapi hanya sekedar menyalurkan aspirasi Dewan Pimpinan Pusat parti sebagai induk organisasinya. Induk organisasi ini ditentukan oleh pemerintah sebagai penyalur keinginan pemerintah. Sedangkan lembaga-lembaga informal seperti mahasiswa selalu dicurigai dan tidak dipercayai, bahkan dicap sebagai 'ekstrim kiri' dan 'ekstrim kanan'.

Dua orang pakar politik, Affan Ghafar dan Soedjipto dari Universiti Gajah Mada, mengemukakan pendapatnya kepada surat khabar *kompas* 11hb Januari 1990 menyampaikan kritik terhadap birokrasi dan peranan anggota DPR. Dalam hal birokrasi hubung-kait dengan masyarakat tidak terjadi hubungan yang sederajat, sehingga derajat seseorang diturunkan bila berurusan dengan birokrasi. Tentang kualiti anggota DPR saat ini tidak mendukung

terciptanya komunikasi politik. Kualiti anggota DPR tidak mampu mengimbangi kemampuan eksekutif, dan juga anggota DPR ikut membudayakan kehidupan organisasi yang birokratis. Semua ini merupakan cabaran untuk menciptakan keterbukaan. J. Soedjati Djiwandono pakar politik dari CSIS, (Centre for Strategic and Internasional Studies) menyatakan bahawa cabaran keterbukaan adalah kerana konsep "demi stabiliti nasional".¹⁹

Petisi 50, anggotanya membuat pernyataan bersama-sama dengan tokoh-tokoh politik dan masyarakat, bahawa "disebabkan Presiden Suharto telah menyanggah kedudukan Presiden lima kali dan sampai tahun 1993 telah mencapai seperempat abad. Saat ini adalah masa yang perlu dipertimbangkan untuk lebih memadai perlunya diresmikan jawatan Presiden terhad maksimum dua kali pilih.²⁰ Dalam diskusi untuk memperingati 10 tahun Petisi 50 bulan Mei 1990, disimpulkan bahawa kebijaksanaan pendekatan 'keamanan, yang mutlak diutamakan dalam kehidupan politik telah dikekalkan. Hal ini terlihat dalam sekatan tiga parti-parti, pengharaman kegiatan politik di desa-desa, hak pemerintah untuk menutup surat khabar, pembatasan hak berserikat, pemenjaraan para pembangkang dibawah undang-undang anti subversif dan lain-lain.²¹ Petisi 50 lebih khusus menuntut seluruh ahli parlimen dipilih dan seorang terpilih tanpa desakan-desakan baru dalam kegiatan politiknya termasuk menghalangi pembentukan parti baru.

Dalam peringatan itu Ali Sadikin, seorang tokoh Petisi 50 juga berbicara bahawa dia lebih menginginkan demokrasi liberal yang dinyatakan sebagai suatu kegagalan pada tahun 1949-59.

Kondisi bangsa sekarang sudah berubah, dimana bangsa Indonesia telah memiliki pengalaman untuk dapat mengatur konflik dan perbezaan politik.²² Hal ini bermakna seluruh kebijaksanaan pemerintah dengan pendekatan keamanan sudah saatnya diganti. Pendapat Ali Sadikin juga menjadi tuntutan bagi Petisi 50, disamping beberapa tuntutan mereka dalam bidang ekonomi untuk menghapuskan perbezaan yang terlalu jauh antara kaya dengan miskin dan mempertanyakan hak-hak istimewa dalam perniagaan dari keluarga tertentu.

Pada 10hb Disember 1990 Forum Komunikasi Mahasiswa Jokjakarta dalam memperingati 42 tahun "Universal Declaration of Human Rights" di Jokjakarta menuntut kepada rezim Orde Baru. Pertama, pinda undang-undang tentang organisasi massa (ormas) dan bubarkan Bakorstanas, (Badan Koordinasi Stabilitas Nasional) sebagai suatu badan 'tak konstitusional'. Kedua, perkenalkan suatu undang-undang untuk melindungi organisasi-organisasi rakyat yang bebas. Ketiga, perkenalkan suatu undang-undang yang melindungi asas-asas hak-hak asasi manusia. Keempat, dirikan suatu 'Komisi Hak Asasi Manusia'.²³ Dalam kegiatannya mereka merasa telah terhad dengan adanya lembaga 'Bakorstanas' yang dianggap oleh Sudomo, Menkopolkam sebagai langkah mengurangi pendekatan "keamanan" menuju keterbukaan. Lembaga yang ditubuhkan ini adalah pengganti "Kopkamtib", namun bagi mahasiswa tidak ada perbezaan dalam tindakannya.

Pada tahun 1988 sampai dengan 1993 pelbagai model tajuk surat khabar, pendapat dan temubicara dengan tokoh-tokoh mengenai isu keterbukaan telah mewarnai kehidupan politik Indone-

sia. Akibatnya dalam pemahaman masyarakat awam telah tumbuh harapan akan perubahan dalam kehidupan politik. Agaknya pemerintah belum mahu untuk mengadakan perubahan sistem pilihan raya, susunan dan kedudukan anggota DPR, termasuk perubahan tata tertib DPR dan perubahan undang-undang parti politik. Dalam undang-undang itu terdapat sistem politik yang hendak diharapkan masyarakat berubah kearah sistem yang baru menuju keterbukaan politik. Banyak pemerhati menyatakan keterbukaan yang diucapkan oleh pemerintah hanyalah bersifat selogan untuk meredam harapan pembaharuan terutama dari generasi muda. Agaknya pemerintah menganggap mustahak 'stabiliti' demi pembangunan sehingga berusaha tetap mengekalkan kebijaksanaan politik yang telah ditempuh semenjak pemerintahan Orde Baru.

B. Politik Merangkul Umat Islam

Sejak tahun 1988, ada beberapa perkembangan yang menunjukkan bahawa Presiden Suharto sedang merangkul kaum Muslim. Usaha Presiden ini diawali dengan mundurnya angkatan 1945 dari ABRI sebagai pemimpin. Tampak pengaruh Presiden Suharto tidak sebesar dahulu. Disamping itu ABRI tidak sepadu dahulu dan dukungan ABRI terhadap Presiden tidak sebulat dahulu. Usaha ini menurut sebagian pemerhati tentu telah dirancang untuk menghadapi pilihan raya 1992. Namun menurut kalangan tokoh politik dari pihak pemerintah membantah hal itu, kerana masa ini merupakan suatu bahagian dari penekanan pelaksanaan pembangunan dalam bidang spritual.

B.1. Kemenangan Islam melalui UU Peradilan Islam dan Pendidikan

Kecendrungan terhadap Islam tidak mudah mendapat sokongan penuh dari masyarakat yang berbilang kaum, seperti Indonesia. Undang-undang yang diajukan oleh Menteri Agama itu telah memberikan kewenangan kepada Pengadilan Agama dalam mengadili perkara orang-orang yang beragama Islam, di bidang perkahwinan dan segala akibatnya, seperti warisan, wasiat, wakaf, sedekah dan hibah menurut hukum Islam.²⁴ RUU ini pada hakekatnya meneguhkan keberadaan Pengadilan Agama, (Mahkamah Syari'ah) dengan memiliki wibawa dan kewenangan yang setara dengan Pengadilan Negeri. Ditafsirkan oleh sebagian bukan Islam sebagai usaha untuk melaksanakan "syariat Islam bagi pemeluknya".²⁵ Dalam sejarah penubuhan negara Indonesia tahun 1945 saat-saat menjelang proklamasi kemerdekaan kalimat ini dihapuskan dari Pembukaan UUD 1945 kerana dianggap merugikan pihak bukan muslim dan dianggap akan menimbulkan perpecahan.

Dalam Golkar terdapat dua kelompok dengan pandangan yang berlawanan, sehingga menimbulkan perdebatan. Satu dari seksi politik dan keamanan, telah membantah RUU ini dengan sebuah dokumen setebal 17 halaman. Dokumen itu menuduh bahawa RUU itu telah menyimpang dari prinsip Pancasila kerana ia telah mengizinkan timbulnya "dualisme" dalam sistem hukum Indonesia.²⁶ Amir Machmud, bekas Menteri Dalam Negeri memprotes dan mengecam RUU itu dan juga R. Suprpto, Timbalan Ketua MPR, bekas Gubernur Jakarta. A.E. Manihuruk, anggota DPP Golkar ditugaskan untuk menubuhkan pengurusan membahaskan RUU ini telah gagal kerana kurang mendapat sokongan. Wahono, Ketua Umum Golkar

mengambil alih pengurus itu. Akhirnya RUU itu diterima juga, tetapi tidak ada perdebatan yang terbuka dan juga tidak ada tepuk tangan dalam mesyuarat DPR.²⁷ Ketara sekali bahawa banyak anggota Golkar yang kurang senang. PDI juga bersikap dingin, tetapi PPP menyokongnya dengan senang hati.

Diluluskan RUU ini menimbulkan pelbagai penafsiran. Ada pendapat bahawa RUU ini adalah kompromi yang dilakukan oleh pemerintah terhadap kelompok Islam. Bahkan ada yang berpendapat bahawa usaha untuk melaksanakan syariat Islam bagi pemeluknya. Namun ada pula yang berpendapat bahawa dengan RUU ini pemerintah hendak menekankan bahawa wewenang Islam hanya terhadap pada hal-hal yang bukan politik. Islam tidak boleh campur tangan dalam politik.²⁸ Sedangkan menurut Munawir Sjadzali, Menteri Agama dalam temubicara dengan wartawan *Tempo* menyatakan bahawa Presiden Suharto tidak akan bertindak sebelum waktunya, dengan berlakunya UU Pengadilan Agama ini tidak ada umat bukan Islam dirugikan.²⁹ Diakui bahawa sikap pemerintah terhadap Islam politik dan gerakan pemisahan diri di Aceh cukup tegas dengan telah dilakukan penumpasan. Mereka yang terbabit dalam pemboman candi Borobudur telah diadili pada tahun 1990 dan awal 1991 yang dapat dikenakan hukuman berat.³⁰

Dinyatakannya Undang-undang Pendidikan Nasional tahun 1989 telah memasukan mata pelajaran agama dalam kurikulum sekolah pemerintah.³¹ Banyak kalangan ulama dan tokoh-tokoh Islam menyambut UU ini dengan perasaan gembira. Agaknya dengan mata pelajaran agama sebagai usaha bagi guru-guru agama Islam untuk mendidik siswa-siswa yang beragama Islam agar

melaksanakan ajaran Islam dalam lingkungan sekolah. Berjayanya kedua RUU ini disetujui sebagai UU, banyak pemerhati menilai adalah berkat kemahuan dari Presiden Suharto. Hal ini sesuatu hal yang melebihi dari apa yang diperjuangkan oleh Masyumi pada tahun 1950-an.

B.2. Perhatian Pegawai Pemerintah Terhadap Islam

Sejak ditubuhkan Yayasan Wakaf Paramadina tahun 1987, mungkin suatu petunjuk betapa kini Islam bukan sesuatu yang jauh dari pegawai tinggi pemerintah, korporat atau kalangan atas lainnya. Gejala perhatian pegawai tinggi pemerintah terhadap Islam suatu yang menarik kajian pemerhati politik, kerana banyak kajian dari pakar dalam dan luar negara memandangkan Islam di Indonesia atas dua golongan, iaitu golongan 'santri' dan 'abangan'. Nampak penggolongan ini kurang dapat diterima saat ini, khasnya semenjak akhir tahun 1980-an.³²

Sudah menjadi suatu budaya birokrasi Indonesia apabila keteladanan itu lahirnya dari kalangan atas, maka begitu mudah diikuti oleh kalangan menengah dan bawah. Sebagai contoh, bukan suatu hal yang asing lagi apabila sejumlah Rektor dari universiti dan Gubernur tampil keatas mimbar sebagai pembicara dalam peringatan hari-hari besar Islam. Agaknya faktor kebijaksanaan pemerintah dalam bidang pendidikan yang memberikan perpaduan antara pengajian agama dengan umum dimasa demokrasi berparlimen tahun 1950-an, berakibat banyak kalangan muda Islam memasuki birokrasi dan korporat pada saat ini.

Pada masa pemerintahan Orde Baru, khasnya bermula tahun

Dan ada pergeseran kaum muda Islam untuk melanjutkan penganut keislaman yang seimbang, tidak lagi menuju negara-negara Timur Tengah, seperti Mesir, tetapi juga telah banyak yang melanjutkan pengajian ke negara-negara Barat, seperti Amerika Serikat. Tokoh muda Islam yang memperoleh ijazah dari Barat, tidak kalah pentingnya, bahkan lebih populer dalam melakukan gerakan pemikiran Islam dalam masyarakat Indonesia, seperti Nurcholis Majid, bekas Ketua Umum HMI yang memperoleh doktor dalam kajian keislaman dari salah satu Universitas di Amerika Serikat. Agaknya dengan perkembangan gerakan Islam di masyarakat Indonesia itu, pemerintah sudah merasa hilang rasa curigaannya terhadap usaha-usaha menubuhkan "Negara Islam". Sebaliknya menerima Islam sebagai suatu nilai-nilai spiritual.

Gerakan Islam di berbagai negara, khususnya negara-negara Timur Tengah, seperti terjadinya revolusi Iran tahun 1979, yang digerakkan oleh kaum "Mujahiddin", agaknya tidak memiliki persamaan dengan gerakan Islam di Indonesia. Penganut Islam di Indonesia yang bermazhab "Sunnah wal jamaah", sama dengan di Malaysia, akhir-akhirnya ini lebih banyak berkembang ke arah pemikiran moden, yang menempatkan Islam sebagai sikap dan perilaku dalam kehidupan. Semangat keislaman itu telah berkembang dari kaum intelektual, (berpendidikan umum). Dengan itu tidaklah dapat disamakan dengan gerakan Islam di Timur Tengah.

Pada tahun 1990 dan 1991, Perhatian pemerintah terhadap Islam tampak dalam dua contoh. Pertama, diharamkannya majalah penganut *Monitor* dan dihukumnya Arswendo sebagai pengarah dakwahnya pada bulan Oktober 1990. Arswendo, editor majalah

ini, telah menghujat Nabi Muhammad kerana mensejajarkan Rasul umat Islam dengan manusia-manusia biasa. Hal ini menimbulkan aksi dan protes dari kaum Islam. Akhirnya Arswendo kemudian dijatuhi hukuman lima tahun penjara dan majalah *Monitor* diharamkan.³³ Agaknya sikap pemerintah dan semangat Keislaman kalangan muslim di Indonesia terlepas dari kajian kalangan syarikat yang bergerak dalam bidang pers dan diurus oleh bukan muslim ini. Kemungkinan mereka masih menganggap pemerintah tetap bersikap keras terhadap umat Islam seperti pada masa-masa yang lalu. Kes ini lebih mempertebal keyakinan banyak tokoh Islam bahawa pemerintah tidak lagi mencurigai Islam.

Kedua, pada awal tahun 1991 Menteri Pendidikan telah mengizinkan pelajar sekolah menengah negeri mengenakan "jilbab", suatu pakaian wanita muslim. Sebelumnya belum dapat kebenaran dari pemerintah. Mungkin keberatan pemerintah waktu itu ialah mengingatkan pakaian itu dengan Islam fundamentalisme yang dianggap membahayakan.³⁴ Masalah pakaian "jilbab" ini sudah menempuh perdebatan dalam masa selama lebih kurang 10 tahun antara pemerintah dengan ulama. Sebelumnya mereka yang berjilbab dilarang masuk sekolah, bahkan ada yang dikeluarkan. Banyak kalangan muda Islam melakukan demonstrasi di pelbagai bandaraya besar, seperti Jakarta dan Bandung. Namun pemerintah dapat meredam kejolak itu yang berakhir dengan merubah kebijaksanaannya.

B.3. Gerakan Islam Dalam Birokrasi

Pada tahun 1990 telah ditubuhkan dua organisasi masyarakat yang bersifat Keislaman, iaitu IPHI, (Ikatan Persaudaraan Haji Indonesia) dan ICMI, (Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia). Kedua organisasi ini banyak melibatkan pegawai tinggi dalam pemerintahan. IPHI yang ditubuhkan pada bulan Mac 1990 yang di ketuai oleh Sulastomo, bekas Ketua Umum HMI. Beberapa Menteri secara bergantian telah mengikrarkan diri sebagai ahli IPHI, kemudian juga diikuti oleh para tokoh korporat dengan disertai sumbangan dana yang cukup banyak. Ada kekhawatiran bahawa organisasi IPHI apabila dihubungkan dengan pengalaman pada masa penjajahan Belanda, kerana para 'hajji' yang baru balik dari Timur Tengah mereka semakin militan dalam menentang penjajah. Pandangan ini menurut para pemerhati tidak ada lagi kerana kini umat Islam di Indonesia bukan lagi umat yang berada ditepi. Setelah banyak kalangan birokrat dengan mempertegas identitinya, IPHI tidak akan berpolitik tetapi mengambil langkah-langkah perbaikan nasib umat melalui jalur ekonomi dan mungkin juga pendidikan.³⁵ Agaknya organisasi IPHI banyak mempengaruhi sikap birokrasi dan para korporat terhadap persetujuan terhadap Islam, seperti banyak pejabat sama ada dipemerintahan atau swasta telah memberangkatkan pegawainya untuk melaksanakan haji dengan biaya dari pihak pejabatnya. Diperkirakan ahlinya telah mencapai ratusan ribu orang.

Bermula dari kelompok studi mahasiswa Fakultas Kejuruteraan, Jabatan Sipil, Universiti Brawijaya Malang, Jawa Timur, timbul suatu pemikiran yang mengandung pertanyaan bahawa

banyak pemimpin dan cendekiawan Muslim yang potensial berjalan sendiri-sendiri dan tidak memiliki wadah yang dapat mempererat komunikasi untuk menjayakan suatu kreatifiti bersama untuk dapat disumbangkan terhadap pembangunan nasional.³⁶ Setelah mendapat kebenaran dari Rektor kelompok mahasiswa itu menemui Alamsyah Ratuprawiranegara dan beberapa tokoh Islam. Secara bersama-sama menjumpai B.J.Habibie untuk memimpin ICMI, dengan alasan bahawa Habibie mempunyai kejayaan antar bangsa, kesetiaan pada negara dan beribadah yang kuat. Agaknya dengan bermula dari kalangan mahasiswa memberi kesan bahawa ICMI bukan penubuhan dari pemerintah yang dapat digunakan untuk kepentingan politik menjelang pilihan raya 1992.

Setelah melalui persiapan yang cukup panjang simposium cendekiawan di Malang pada bulan Disember 1990 akhirnya ditubuhkan ICMI. Simposium yang dirancang itu mendapat sokongan dari pemerintah. Presiden Suharto membuka simposium itu dan Timbalan Presiden Sudharmono menutupnya.³⁷ ICMI yang baru ditubuhkan itu di ketuai oleh B.J.Habibie dengan mendapat persetujuan dari Presiden. Simposium ini mendapat perhatian yang luar biasa dari kalangan tokoh-tokoh Islam.

Walaupun mendapat perhatian yang cukup tinggi dari tokoh-tokoh Islam. Namun terdapat juga perbezaan pendapat tentang kehadiran ICMI. Pendapat yang setuju, dengan pandangan yang beragam-ragam. Sebagian tokoh Islam mengatakan bahawa mustahak dihimpun cendekiawan Muslim kerana umat Islam merupakan majoriti dalam masyarakat Indonesia adalah kelompok yang sangat berkepentingan akan kejayaan pembangunan.³⁸ Habibie

bercakap bahawa penubuhan ICMI pertanda kesadaran dan kebangkitan umat Islam untuk aktif dalam melaksanakan pembangunan nasional dalam rangka mengamalkan Pancasila.³⁹ Beberapa tokoh Islam juga mengakui bahawa orientasi ICMI tidak ideologis dan tidak politik serta terbuka bagi semua intelektual Islam, bahkan bukan suatu langkah menghadapi isu kristenisasi. Emil Salim, Menteri Kependudukan dan Lingkungan Hidup dan juga penubuh ICMI, menjawab pertanyaan wartawan bahwa apakah kehadiran ICMI sebagai akibat kurang aktifnya NU dan Muhammadiyah? Dia menjawab bahawa NU dan Muhammadiyah bergerak di bidang kemasyarakatan sedangkan ICMI merupakan wadah cendekiawan yang berusaha mencari pilihan terhadap cabaran masa depan.⁴⁰

Ada kalangan tokoh Islam tidak setuju dengan kehadiran ICMI, seperti Ridwan Saidi, bekas ahli PPP dan Ketua HMI, Abdurrahman Wahid, Ketua PB-NU dan Deliar Noer, pakar Islam. Mereka menganggap ICMI agak berkesan politik, penubuhannya kerana tidak puas terhadap sistem yang ada. Adanya usaha menyingkirkan organisasi Islam yang sedia ada. Cara-cara penubuhannya yang banyak dipengaruhi unsur pemerintah.⁴¹

Pada 13hb Pebruari 1991 terbentuklah susunan pengurus ICMI yang tampaknya berusaha mewakili umat Islam dari pelbagai kalangan, termasuk sejumlah Menteri. Pemerhati menyifatkan ICMI berusaha menyatukan umat Islam secara keseluruhan.⁴² Cara Habibie menubuhkan pengurus ada anggapan bahawa ICMI ada hubungkait dengan pilihan raya dan 'suksesi', yang sudah menyimpang dari pemikiran semula. Dugaan ini berasaskan kepada duduknya beberapa orang Menteri dan pegawai tinggi pemerintah.

Dikhabarkan senarai pengurus ini sudah disetujui oleh Presiden Suharto dan Timbalan Presiden Sudharmono ⁴³

Pada 17hb Ogos 1992 ICMI menubuhkan suatu Yayasan "ABDI Bangsa" di Jakarta dengan matlamat membantu dan mendukung ICMI dengan cara menghimpun dana untuk mentadbir semua program ICMI. Yayasan ini melibatkan Presiden Suharto sebagai pelindung, Timbalan Presiden Sudharmono, istri Presiden, semua bekas istri Timbalan Presiden dan hampir seluruh Menteri yang beragama Islam. Mereka menyatakan atas nama pribadi.⁴⁴ Yayasan ini menunjukkan pengaruh yang cukup besar terhadap pelaksanaan program ICMI, seperti telah menubuhkan surat khabar *Republika* dan suatu lembaga pengkajian "CIDES", (Centre for Information and Development Studies), serta membantu beberapa pondok pesantren. Hal ini suatu pertanda semakin dekatnya Islam dan kekuasaan, walaupun terhad kepada hal-hal diluar politik.

Suatu hal yang simbolit, ialah ditubuhkannya Bank Muamalat Indonesia pada bulan Mei 1991 di Jakarta. Presiden Suharto, Timbalan Presiden Sudharmono, Ketua ICMI Habibie dan Ketua MUI hadir. Pemegang saham selain Presiden Suharto dan Timbalan Presiden Sudharmono, tercatat sepuluh Menteri dan sejumlah korporat besar. Bank Islam tanpa bunga ini banyak dugaan orang bahawa pemerintah memang berniat untuk menghimbau kaum Islam. Ada isu yang mengkaitkan Bank Islam ini dengan pilihan raya dan kemudian disusul dengan pemilihan Presiden. Namun isu ini dibantah oleh Ketua MUI, K.H.Hasan Basri yang menyatakan bahawa bank ini murni ide umat Islam yang diterima Presiden.⁴⁵ Terhitung semenjak bulan Disember 1992 telah memiliki modal

mencapai Rp.121,2 Milyar dan dinyatakan sebagai bank yang sehat oleh Bank Indonesia.⁴⁶

B.4. Perhatian Keluarga Presiden Suharto pada Islam

Pada bulan Mei 1991 suatu berita yang sangat menarik mewarnai seluruh surat khabar di Indonesia dengan tajuknya "Presiden dan Ibu Tien Soeharto akan menunaikan ibadah haji". Pelbagai tokoh Islam memberikan komen. KH.Hasan Basri, Ketua Umum MUI menilai, bahawa kepergian Kepala Negara untuk menunaikan ibadah haji dapat menimbulkan ketentraman hati kaum muslimin, kerana mayoriti masyarakat adalah beragama Islam. Dapat menimbulkan kebangkitan dan semangat baru bagi kaum Islam untuk melaksanakan tugas sebagai warga negara secara lebih baik. Dia mengajak umat Islam untuk mendoakan Presiden sekeluarga dan pegawai tinggi lainnya agar mendapat haji yang mabrur.⁴⁷ Banyak ulama menghimbau diberbagai masjid untuk mendoakan Presiden dan keluarga agar menjadi haji yang mabrur.

Walaupun pelaksanaan ibadah 'haji' Presiden Suharto itu adalah sebagai ibadah dan bersifat pribadi. Namun sangat menambah dukungan politik untuk mengekalkan kuasanya dan juga dapat meredam suara-suara pembaharuan politik yang berasal dari masyarakat Islam. Pandangan masyarakat muslim Indonesia terhadap seseorang yang memiliki gelar haji, agaknya melebihi pengorbanan seseorang terhadap kemajuan Islam. Menurut Ridwan Saidi, berasaskan sejarah masyarakat Indonesia memungkinkan para haji berperanan secara politik. Pada amnya pimpinan pergerakan melawan penjajahan Belanda dipimpin oleh haji.⁴⁸

Perhatian Presiden terhadap Islam, khususnya semenjak tahun 1980-an sudah cukup banyak. Pertama, menubuhkan Yayasan Amal Bhakti Muslim Pancasila pada tahun 1982, telah membangun beratus-ratus masjid sampai tahun 1990. Program penyebaran 1000 Da'i untuk wilayah transmigran dan membangun beberapa buah Hospital Haji. Kedua, membantu panti asuhan yatim piatu dengan yayasan yang ditubuhkannya tahun 1973, iaitu "Yayasan Dharmais". Ketiga, ditubuhkan yayasan "Supersemar" untuk membantu pelajar yang pandai, tetapi orang tuanya kurang mampu dengan memberikan bea siswa. Semenjak tahun 1980-an Presiden sudah sering mengucapkan "assalamualaikum" untuk memulai pidatonya. Agaknya teladan Presiden Suharto itu belum cukup menurut budaya politik Islam Indonesia, apabila belum melaksanakan ibadah haji. Sehingga banyak yang menilai kepergiaan Presiden beserta keluarga ketanah suci adalah suatu peristiwa sejarah Islam yang sangat mustahak sepanjang Orde Baru.

Keragu-raguan masyarakat muslim selama ini juga sudah berakhir dengan disertai Ibu Tien Suharto untuk menunaikan ibadah haji. Dalam merayakan ulang tahun ke-10 Tabliq Akbar Dasawarsa Badan Kontak Majelis Taklim (BKMT) di Stadium Senayan Jakarta pada bulan Januari 1991, Ny. Tien mengumandangkan takbir "Allahu Akbar" tiga kali, disiarkan oleh radio dan televisyen ke seluruh Indonesia.⁴⁹ Sebelumnya Ny. Tien Suharto tidak pernah mengikut Sembahyang hari Raya di Masjid Negara Istiqlal bersama Presiden Suharto. Bahkan 10hb Februari 1987 kelompok Petisi 50 mengirim surat kepada DPR dengan enam pertanyaan kehadapan "Ibu Tien", satu diantara pertanyaan itu

dalah "adakah Ibu Tien secara diam-diam seorang pengikut katolik?"⁵⁰ Anak sulung Presiden 'Mbak Tutut' (Ny. Rukmana), juga dalam berbagai kesempatan pada kegiatan sosial kemasyarakatan selalu memakai 'kerudung' sebagai pakaian wanita muslim.

Agaknya perubahan sikap Presiden Suharto dan keluarganya tentang pelaksanaan ajaran Islam membawa kesetiaan yang sangat tinggi masyarakat Islam Indonesia terhadap kepemimpinan Presiden Suharto. Sehingga banyak ucapan tokoh muslim bebas secara emosional mencalonkan kembali untuk menjadi 'Presiden yang akan datang. Walaupun, beberapa ormas Islam yang dekat dengan pemerintah telah melakukan sikap kearah ini.⁵¹

Pelbagai pendapat dari pihak luar negara tentang perjalanan ibadah Presiden Suharto, sama ada bertujuan "haji politik" yang dinyatakan oleh Michael Leifer, seorang pakar hubungan internasional dari "London School of Economics and Political Science" dan Margaret Scott, wartawan *The Far Eastern Economic Review*. Bertujuan ibadah (bukan haji politik) dinyatakan oleh Donald Emmerson, seorang pensyarah ilmu politik dan studi Asia Tenggara di Universiti Wisconsin, USA.⁵²

C. Perbincangan Isu Suksesi dan Pilihan Raya 1992

C.1. Pelbagai Tanggapan Isu Suksesi

Isu suksesi sedang menjadi topik yang hangat dibicarakan di masyarakat Indonesia. Sebab dengan terbitnya buku "*Soeharto, Pikiran, Ucapan dan Tindakan Saya*" bulan Disember 1988, memberi petunjuk kemungkinan periode 1988-1993 sebagai masa

jawatan Presiden Suharto yang terakhir. Perkara siapa yang akan menjadi pimpinan nasional RI tahun 1993 nanti menjadi isu yang menarik. Hal ini dapat dimaklumi semenjak Indonesia merdeka tahun 1945 belum mempunyai sejarah suksesi yang licin, tak heran jika Menteri Pertahanan, L.B.Murdani mengatakan bahawa "kita bagai berjalan didalam lorong yang gelap, ketika memberi komen perkara suksesi".⁵³

Angin keterbukaan membawa akibat isu suksesi yang selama ini secara politis dilarang (tabu) untuk dibincangkan secara terbuka. Sekarang diperdebatkan sama ada dimedia massa atau dipelbagai seminar oleh tokoh-tokoh politik, sama ada dalam atau diluar pemerintahan. Pelbagai pernyataan dari tokoh politik bermunculan sekitar perbezaan pendapat tentang calon pengganti Presiden dan cara-cara pengantiannya. Tak kurang dari Presiden Suharto membuat kenyataan bahawa sudah mulai sekarang memikirkan siapa yang sekiranya bisa "dielus-elus" untuk menjadi jaguhnya, yang nantinya "diadu" di dalam MPR hasil pilihan raya umum.⁵⁴ Namun demikian Presiden Suharto menyatakan pula bahawa calon Presiden yang akan datang adalah kuasa MPR yang akan datang bukan kuasa MPR sekarang. Untuk itu perbincangan suksesi saat ini adalah membuang-buang masa sahaja. Agaknya Presiden Suharto tidak setuju adanya orang-orang yang hendak mencalonkan diri menjadi Presiden kerana dinilai tidak sesuai dengan konstitusi.

Perdebatan calon Presiden semakin ketara antara pihak yang berada dalam pemerintah dengan diluar pemerintah. Tokoh politik yang berada dalam pemerintah, agaknya merasa khawatir

akan perebutan kuasa sehingga membahayakan stabiliti nasional, akhirnya perbincangan hanya sekitar calon Presiden diperlukan adanya "konsensus nasional". Hal ini bermakna pergantian Presiden tetap mempertahankan "status quo", yang seolah-olah Presiden telah mempersiapkan calon penggantinya. Pandangan tokoh-tokoh diluar pemerintah. Agak berbeza seperti pendapat Soemitro, bekas Pangkokamtip secara terbuka menyatakan bahawa agar pimpinan nasional sesudah 1993 tidak lagi berasal dari generasi 1945.⁵⁵ Bahkan Jamie Mackie, pakar ilmu politik dari "Australian National University" menyebutkan lima calon yang patut diperhatikan, iaitu, Sudharmono, Ginanjar Kartasasmita, Try Sutrisno, Moerdiono dan Rudini.⁵⁶ Semua diatas kecuali Sudharmono berasal dari generasi sesudah 1945. Agaknya para tokoh politik diluar pemerintah lebih menginginkan adanya perubahan, seperti pendapat Sayidiman, bekas Gubernur Lemhanas melontar isu perlu atau tidaknya MPR membatasi masa jawatan Presiden. Pendapat ini mendapat dukungan oleh J.Naro, Timbalan Ketua MPR dari PPP.

Sudomo, Menkopolkam, agaknya merasa khawatir akan pemilihan Presiden yang akan datang, sehingga akan terganggu stabiliti nasional. Oleh itu, dia menyarankan bahawa pentingnya diadakan "persetujuan nasional" agar tidak terjadi komen-komen yang berbeza.⁵⁷ Pendapat Sudomo mendapat cabaran dari dua tokoh pimpinan parti politik Ismail Hasan Metareum, Ketua Umum PPP dan Surjadi, Ketua Umum PDI yang menyatakan bahawa agaknya Sudomo belum memahami cara-cara pemilihan Presiden yang sudah ditetapkan oleh MPR, yang tidak memerlukan adanya

"persetujuan nasional".⁵⁸ Agaknya tokoh politik pembaharu lebih menuntut agar calon Presiden lebih dari satu dan dipilih dengan suara terbanyak. Syarat-syarat calon agar dibincangkan secara terbuka serta calon dapat berkempen untuk programnya.

Perbincangan soal syarat-syarat Presiden menjadi ramai, setelah Moerdiono, Menteri Setia Usaha Negara, menyatakan pendapatnya. Pertama, harus mempunyai wawasan yang luas sekali, sama ada nasional atau antar bangsa. Kedua, setia pada bangsa, idiologi nasional dan kepentingan rakyat. Ketiga, mampu mengambil keputusan yang sulit dalam keadaan sulit, Keempat dapat diterima sebanyak mungkin kalangan, tidak menjadi soal sama ada dari ABRI atau sivil.⁵⁹

Pada akhir bulan April 1990 masyarakat awam dikejutkan dengan terbukanya surat pernyataan yang berjudul "Sikap Bersama Umat Islam Indonesia" yang dibuat 30hb September 1989. Setelah beberapa tokoh yang menandatangani surat itu bercakap dengan wartawan *Tempo*. Surat ini ditandatangani 21 orang tokoh Islam yang isinya "Suharto tepat untuk dicalonkan lagi menjadi Presiden, kerana ia memperhatikan aspirasi umat Islam di Indonesia."⁶⁰ Agaknya surat bersama ini yang diprakarsai oleh Alamsyah Ratuprawiranegara, bekas Menteri Agama setelah memahami keterangan Presiden Suharto sekembali dari Uni Soviet pertengahan September 1989, antara lain akan "memukul" sesiapa-pun yang menggantinya sebagai Presiden secara 'tak konstitusi'. Surat pernyataan ini diserahkan kepada Presiden.⁶¹ Dalam hal ini agaknya Presiden Suharto masih setuju untuk memangku jawatan Presiden untuk periode berikutnya.

C.2. Pencalonan Anggota DPR

Kegiatan pencalonan anggota DPR adalah suatu hal yang menarik dari kegiatan pilihan raya kerana ada pelbagai macam masalah yang timbul. Misalnya, bekas Gubernur Jawa Barat, Letjen. Solihin GP dengan tegas menyatakan menolak pencalonan dirinya oleh Golkar sebagai calon legislatif. Dia tidak mahu di-Litsus, (Penelitian Khusus), ketika semua calon termasuk semua menteri mengikut prosedur itu. Sebab menurutnya pegawai negeri atau ABRI di "Litsus" lagi kalau ada dugaan terlibat gerakan komunis atau organisasi yang diharamkan lainnya.⁶² Agaknya pemerintah masih tetap mempertahankan kesetiaan yang sangat tinggi dari anggota DPR tidak sahaja kepada Pancasila, tetapi kepada pemerintah Orde Baru.

Ada dugaan "nepotisme" dalam pencalonan menjadi isu dari kalangan pemerhati, seperti Brigjen. Soeparno Hendrowerdoyo, seorang Ketua KOSGORO Jawa Tengah telah menolak untuk dicalonkan oleh Golkar pada pilihan raya 1992 ini, kerana pencalonan dianggap tidak wajar, persyaratan prestasi tidak menjadi ukuran melainkan kesetiaan kepada oranglah yang menentukan.⁶³

Dalam Rapim, (mesyuarat pimpinan) Golkar pada bulan Oktober 1990, Suharto sebagai Ketua Dewan Pembina telah memberikan sambutan bahawa pilihan raya 1992 bukanlah sekedar mendapatkan suara yang sebesar-besarnya, melainkan Golkar harus mampu sebagai kekuatan pembangunan dan moden. Agaknya maksud pidato Ketua Dewan Pembina ini hendak dilaksanakan oleh Wahono, Ketua Umum Golkar dengan berusaha agar ABRI dan birokrasi sebagai tulang punggung Golkar masih bertahan hingga

kini.⁶⁴ Namun beberapa tahun ini sikap ABRI terhadap Golkar kurang padu. Dikabarkan 40 ABRI bersara sudah bergabung dengan PDI.⁶⁵ Oleh itu ada pendapat bahawa Golkar kini akan mendapat cabaran berat dari PDI, diperkirakan bahawa PDI akan dapat sokongan dari kelompok yang tidak senang dengan Golkar.

Menghadapi situasi semacam ini, Presiden Suharto, pembina utama Golkar mengambil strategi baru dalam penyusunan daftar calon legislatif Golkar. Dikabarkan selama ini penyusunan calon dilakukan oleh tiga Jalur, iaitu Panglima ABRI, Menteri Dalam Negeri dan Ketua Umum Golkar dirubah oleh Presiden.⁶⁶ Banyak tokoh yang belakangan ini dekat dengan ABRI dan sangat kritis dicoret dan ditempatkan pada nomor 'peringkat tidak jadi', seperti Marzuki Darusman, Jusuf Wanandi, Meyjen. Saiful Sulun dan Roekmini Kusumo.⁶⁷ Hal ini suatu cara bagi pemerintah untuk dapat mengawal parlimen dari tokoh-tokoh kritis, sehingga DPR/MPR dapat mendukung segala keinginan pemerintah.

Agaknya Presiden dalam pilihan raya 1992 ini lebih menitik beratkan kepada 'caleg', (calon legislatif) yang beragama Islam. Menurut perhatian *Tempo* senarai caleg, di Sumatera Utara yang diajukan kepada Presiden 16 calon utama, terdiri dari tujuh orang Islam dan sembilan orang bukan Islam. Presiden mengubahnya menjadi 10 Islam dan enam bukan Islam. Tampaknya susunan ini mengikut jumlah penduduk yang beragama Islam empat juta dari lima juta dari Propinsi ini.⁶⁸ Perhatian Presiden terhadap umat Islam ini berakibat PPP dan juga PDI ingin merebut pemilih Islam. Sementara dalam kalangan Islam sendiri terdapat dua pandangan. Pertama, ingin mengambil

strategi "politik Muslim" iaitu kelompok yang memilih orang-orang Islam tanpa menghiraukan organisasinya. Kekuatan Islam dapat bertambah. Ternyata mereka mahu bekerja sama dengan Golkar dibawah Suharto, menurutnya Islam sebagai agama dan kekuatan sosial telah makin berkembang dibawah Presiden Suharto. Kedua, kelompok yang memilih strategi "politik Islam" iaitu beranggapan Islam akan maju melalui parti Islam.

Dalam PDI dan PPP untuk calon DPR pilihan raya 1992 ini, tidak ada konflik dalaman. Proses pencalonan lebih tenang. Para ahli parti lebih mendukung Ketua Umumnya. Dalam PPP kelompok Naro, bekas Ketua Umum PPP tersingkir dari senarai pencalonan. Agaknya PPP ingin mengarah kepada perpaduan dan perubahan untuk mengimbangi calon Golkar yang diwarnai dengan Islam. PPP juga memasukkan kaum intelektual Islam dari ICMi, seperti A.M.Saefuddin, pensyarah Institut Pertanian Bogor, Sri Bintang Pamungkas, pensyarah di Universiti Indonesia, Muchtar Naim, pensyarah di Universiti Andalas Padang dan lain-lain. Langkah PPP sebelumnya telah didahului oleh PDI yang telah banyak melibatkan tokoh cendekiawan dan kalangan korporat.

C.3. Kempen Pilihan Raya

Masa kempen berlangsung 25 hari, (10hb Mei sampai dengan 3hb Jun 1992). Ada beberapa perbezaan dengan kempen pilihan raya sebelumnya, iaitu pengharaman 'pawai' kenderaan bermotor, penggunaan gambar atau tulisan yang bermakna perseorangan.⁶⁹ Peraturan kempen ini agaknya memberikan pukulan terhadap PDI yang selama kempen pilihan raya sebelum menggunakan gambar

'Bung Karno' dan pawai kendaraan bermotor sebagai penarik masa generasi muda. Kempen menggunakan kendaraan bermotor adalah suatu kesempatan bagi kalangan generasi muda untuk menunjukkan ketidakpuasannya terhadap keadaan sosial masyarakat, seperti jurang pemisah antara kaya dan miskin, pengangguran dan lain-lain. Sehingga pemerintah tidak setuju.

Pada 21hb Mei 1992 sekurangnya 112 peserta kempen PDI di saman akibat melanggar peraturan lebuhraya. Namun kempen PDI di wilayah Jokjakarta dibatalkan oleh pihak ABRI. Dikhabarkan pemerintah berlebihan mengatur kempen.⁷⁰ Berasaskan laporan surat khabar *Suara Pembaruan* dan *Suara Merdeka* di Jokjakarta dapat disimpulkan bahawa peserta kempen pilihan kebanyakan anak-anak muda, cenderung bertindak kasar, merosak dan memaksa orang lain untuk tunduk kepada parti tertentu (PDI). Walaupun mereka itu bukanlah pendukung setia.⁷¹ Kes ini menyebabkan pengharaman oleh pemerintah pawai motosikal dalam kempen, namun munculnya protes pro-demokrasi dan kempen 'Golput'.

Setelah kesepakatan tiga parti untuk tidak menggunakan ayat-ayat Qur'an dalam kempen sebagai akibat penggunaan satu asas Pancasila. Maka PPP menunjukkan kurang isu-isu dalam kempennya. Isu-isu PPP dinilai banyak pemerhati sebagai janji-janji "lama" yang tak terwujud, seperti isu pembrantasan rasuah, monopoli politik, kaya dengan miskin, Menurut perhatian surat khabar *Merdeka* sampai pusingan kedua PPP kehilangan gairah untuk berkempen. Akibat keadaan dalaman parti agak memanas setelah Muktamar II PPP tahun 1989.⁷² Agaknya "iklim sejuk" yang dibawa oleh Ketua Umum, Ismail Hasan Metareum,

menyebabkan parti itu kurang bergairah. Walaupun hari-hari pertama kempen pilihan raya PPP telah mengusulkan Suharto sebagai Presiden periode 1993-98 yang dinilai kalangan parti akan membawa kegairahan dalam kempen. Nampaknya sikap ini kurang mendapat simpatik oleh kalangan yang menginginkan pembaharuan yang telah dilaung-laungkan selama ini.

Agaknya PPP dihadapkan kepada suatu pilihan untuk lebih aspiratif dengan pemerintah daripada kesulitan mendapatkan massa tradisional Islam. Hal ini disebabkan adanya perubahan sikap pemilih Islam yang lebih cenderung memilih "politik Muslim" daripada "parti Islam". Berbeza dengan PPP, PDI nampak menunjukkan sikap lebih menarik bagi kalangan pembaharu, seperti yang bergema dalam isu "keterbukaan dan suksesi". Isu-isu PDI adalah isu perubahan masa jawatan Presiden yang akan datang, isu demokratisasi, isu nepotisme dan lain-lain.

Menghadapi pilihan raya 1992 ini ada suatu perubahan baru dari cara kempen, ialah "kempen dialog" yang diadakan dalam kalangan tertutup. Cara ini dikemukakan oleh tokoh-tokoh muda Golkar, seperti Sarwono Kusumaatmaja, Rachmat Witular dan lain-lain. Mereka berpendapat cara ini lebih berkesan untuk menghuraikan program dan sekaligus sebagai usaha pendidikan politik. Dalam kempen "dialog" Golkar menemukan isu-isu untuk dijawab yang lebih cergas, seperti tuntutan generasi muda akan pembatasan masa jawatan Presiden dua kali pilih. Golkar menjawab seperti pendapat Moerdiono, tidak melihat alasan mengapa masa jawatan Presiden mesti dibatasi sampai dua kali, yang mustahak adalah kualiti kepimpinannya.⁷³

Beberapa isu yang berkembang dalam kempen dialog antara lain soal "korpri", (Korp Pegawai Republik Indonesia) memilih Golkar, 'nepotisme' yang terus berkembang, utang luar negeri yang membengkak, jumlah anggota legislatif yang diangkat, dan masalah tenaga kerja. Agaknya dengan kempen dialog ini tokoh-tokoh Golkar mempunyai kesempatan untuk menjelaskan masalah-masalah politik, disamping mengakui kelemahan-kelemahan pemerintah. Walaupun kempen dialog hanya diikuti oleh kalangan terhad, iaitu mahasiswa dan generasi muda terpelajar. Berdasarkan pengakuan Sarwono Kusumaatmaja agaknya sulit menyatakan bahawa kempen dialog lebih berjaya, kerana tidak tahu isi hati seseorang. Walaupun peserta tertib dan penuh perhatian selama temuduga.⁷⁴ Agaknya kejayaan dari kempen ini tidak banyak memberi dukungan kepada Golkar, kerana pesertanya dari kalangan kritis, lagipula kempen dialog hanyalah suatu cara perkenalan untuk dapat digunakan dimasa datang.

Memasuki kempen pusingan keempat (pusingan terakhir) ternyata kempen menggairahkan. Hal ini disebabkan oleh tekad PDI dengan tegas menyatakan untuk perubahan politik. PDI dan Golkar malah tidak menyebut-nyebut nama calon Presiden yang mereka jaguhkan. Hanya beberapa juru kempen Golkar memberi isyarat bahawa mereka akan mencalonkan Jenderal Suharto, namun tidak dengan bahasa yang jelas.⁷⁵ Jenderal Sumitro, bekas Pangkopkamtib dalam pelbagai kesempatan selalu menyuarakan mustahaknya masa jawatan Presiden terhad dan berharap calon Presiden lebih dari satu orang dalam Mesyuarat Umum MPR 1993. Beberapa tokoh ABRI mengisyaratkan persetujuannya terhadap

usul lebih dari seorang calon Presiden untuk Mesyuarat Umum MPR 1993.⁷⁶ Namun Golkar belum memberi komen tentang ini.

Jika selama empat kali kempen pilihan raya, juru kempen Golkar berhadapan dengan PPP, maka kempen pilihan raya 1992 para juru kempen Golkar harus berhadapan dengan PDI. Posisi ini terjadi kerana isu Islam PPP telah menjadi isu Golkar dan pemerintah, ertinya pemerintah menyatakan programnya menjadi aspirasi umat Islam, seperti persetujuan pemerintah terhadap UU Pengadilan Agama, penubuhan ICMI dan PHI. Semakin dirangkul tema Islam oleh Golkar, maka PPP hampir kehabisan isu Islam. Sementara umat Khatolik lebih aspiratif dengan PDI.⁷⁷

Melihat pertarungan yang sifatnya cenderung "primordial", maka ada pelbagai kalangan pelajar cenderung tidak menggunakan hak dalam pilihan raya, (Golput). Golput (Golongan Putih) menurut Ali Murtopo hanya tercium tetapi tidak kelihatan, sekalipun telah dinyatakan oleh Arief Budiman seorang tokoh angkatan 1966 di Jakarta sebulan menjelang pilihan raya 1971. Dalam pilihan raya 1992 agaknya sudah kelihatan. Di Jokjakarta "Golput" sudah turun kejalan-jalan, membuat mimbar bebas di kampus, di Semarang Jawa Tengah 200 mahasiswa telah menggerakkan "Golput" dan juga di Bandung.⁷⁸ Angka "Golput" menurut peringkat perseratusan mengalami kenaikan dalam pilihan raya 1992 ini hampir 10%. Namun menurut Setia Usaha Am Golkar tidak melihat adanya isu "Golput" menjalar pada peringkat nasional.

C.4. Kemenangan Golkar dan Kualiti Pilihan Raya

Pada tanggal 9 Juni 1992, pilihan raya telah dilaksanakan, 90.91% pengundi melakukan pengundian. Prosesnya cukup lancar,

walaupun pertikaian disana-sini masih terjadi. Ada beberapa pendapat bahwa kelancaran pilihan raya ini disebabkan oleh sikap ABRI yang berkecuali. Ada kalangan PPP dan PDI menuduh Golkar berbuat curang, tetapi ketika hasil resmi dinyatakan Ketua dari parti-parti itu menerimanya. Hasil pilihan raya 1992 menunjukkan Golkar masih tetap parti yang paling besar dengan mendapat undi 68.1% pengundi (282 kerusi), PPP 17% (62 kerusi) dan PDI 14.9% (56 kerusi).⁷⁹ Apabila dibandingkan dengan pilihan raya 1987, perolehan undi Golkar turun 5%, PPP naik 1% sedangkan PDI naik 4%.

Target 73% yang diajukan Golkar sebelum pilihan raya tidak tercapai. Ada pemerhati menyatakan penyebabnya ialah ketidak senangan pengundi di bandaraya-bandaraya terhadap kesenjangan ekonomi dan sosial selama ini. Mungkin dia mengundi PPP dan PDI untuk menunjukkan ketidakpuasan. Ada juga yang mengatakan bahawa pengundi Golkar di Jawa menurun kerana pengundi di Jawa lebih banyak mengetahui isu-isu dan sering membaca berita surat khabar. PDI dalam pilihan raya 1992 ini mampu meraih orang-orang merasa dirinya melarat, khasnya dibandaraya dengan simbolnya "parti orang kecil". Pendapat ini dipertanyakan untuk bandaraya Jakarta yang mana PDI menurun dan Golkar mendapat tambahan suara 3%.⁸⁰

Jika banyak yang memilih PDI di bandar-bandar, didesa-desanya Jawa dimana hubungan tradisionalnya masih kuat, para santri tetap memilih PPP yang dianggap masih parti Islam. Sedangkan abangan masih memilih Golkar atau PDI. Akan tetapi PPP tidak mampu menarik pemilih Islam di bandaraya, salah satu

sebabnya kerana pegawai negeri masih ditekan secara halus untuk memilih Golkar. Disamping itu PPP tidak lagi tampil sebagai parti Islam yang bisa membawa manfaat kepada umat Islam. Kecenderungan umat Islam akan adanya perubahan, Golkar lebih aspiratif terhadap perjuangan umat Islam. Kecurigaan orang Islam terhadap Golkar sudah semakin menurun kerana peranan Presiden Suharto telah memberi laluan kepada umat Islam. Namun didaerah Aceh yang sangat kental keislamannya, kemenangan Golkar banyak ditopang dengan dana yang dapat di sumbangkan menjelang pilihan raya,⁸¹ sehingga Golkar menang untuk kedua kalinya, (Golkar 58,4%, PPP 34,5% dan PDI 7,1%).⁸²

Ada pihak menduga bahawa di bandar-bandar pelaksanaan pilihan raya lebih demokratis jika dibandingkan dengan di desa-desa. Semakin jauh ke pelosok, rakyat selalu "digiring" secara tidak demokratis untuk mendukung parti tertentu. Beberapa penyebab pilihan raya kurang demokratis. Pertama, dipelbagai daerah terdapat "banci politik", diduga pegawai desa mendatangi rumah-rumah warga dan menyodorkan salah satu pertanyaan tertulis berupa pilihannya. Singgih sebagai Ketua Panwaslak, (Panitia Pengawas Pelaksana Pusat) akan menindak pelaku ini sesuai dengan hukum yang berlaku.⁸³ Kedua, pada bulan Mei 1992 puluhan pemuda di bandaraya Jokjakarta menempatkan "keranda jenazah" di halaman gedung DPRD Jokjakarta sebagai pernyataan sikap atas tindakan pemerintah terhadap kempen pilihan raya yang dinilai mematikan demokrasi.⁸⁴ Ketiga, adanya pemeriksaan berita pilihan raya terhadap surat khabar daerah *Sriwijaya Post* sebelum dicetak edisi 27 Mei

1992. Kes ini berakhir dengan tindakan Rudini, meminta Gubernur Sumatra Selatan untuk menyelidik kebenarannya.⁸⁵

Dalam pelbagai kesempatan Rudini menjanjikan tidak akan ada pihak yang akan menekan rakyat pada saat hari pengundian. Sedangkan Ismaih Hassan Metareum, Ketua Umum DPP PPP menyatakan bahawa pilihan raya tidak akan membawa perubahan apapun dalam kehidupan bangsa, jika pelaksanaannya mengabaikan asas langsung, umum, bebas, rahasia, jujur dan adil. Dia menghendaki kemenangan salah satu parti tidak dilakukan dengan menghalalkan semua cara.⁸⁶ Pendapat ini senada dengan buku 'tutuan pilihan raya' yang dikeluarkan oleh Polis Negara, menyatakan bahawa adanya kecenderungan parti-parti untuk dapat suara sebanyak mungkin dengan menghalalkan segala cara.⁸⁷ Ada pihak-pihak, termasuk pimpinan PPP dan PDI menyatakan bahawa kemenangan Golkar secara terus menerus dengan majoriti dalam setiap pilihan raya dapat diperoleh dengan tidak wajar, kurang mematuhi aturan yang berlaku. Apalagi dibandingkan dengan pilihan raya 1955 dalam demokrasi berparlimen sebagai pilihan raya terbersih sepanjang sejarah kemerdekaan Indonesia.

Catatan :

1. Kebijaksanaan "deregulasi" yang telah dimulai tahun 1985 dengan mengurangi beberapa langkah prosedur perlesenan telah banyak meningkatkan pertumbuhan ekonomi, khasnya dalam bidang non-migas, (luar minyak dan gas bumi), seperti keseluruhan ekspor non-migas telah meningkat dari 31% menjadi 50% dalam periode 1978-87. Pertambahan GDP jatuh pada paraf terendah 2% dalam tahun 1985 kemudian melambung

tinggi 6% dalam tahun 1988-89, meningkat 7% pada tahun 1989-90, diatas dasar 5% dari target rata-rata Repelita, (Rencana Pembangunan Lima Tahun) yang dimulai tahun 1989. Lihat, Michael R.J.Vatikiotis, Indonesian Politics under Suharto, London: Reutlegde, 1993, h.40.

2. Sinar Harapan, 13-5-1989.
3. Panji Masyarakat, No.766, September 1993, h.12.
4. Perbincangan dari beberapa Menteri setelah bertemu dengan Presiden Sùharto, iaitu, Rudini, Menteri Dalam Negeri, Harmoko, Menteri Penerangan, Akbar Tanjung, Menteri Belia dan Sukan, serta Ismail Saleh, Menteri Kehakiman, lihat, Angkatan Bersenjata, 17-7-1989, Suara Karya, 24-7-1989, Kompas, 18-8-1990.
5. Suara Karya, 30-6-1989, Merdeka, 29-12-1990, Suara Pembaruan, 3-1-1991.
6. Editor, No.37, 12-6-1993, h.26. B.J. Habibie dengan nama lengkap Prof.Dr.Ir.Bacharuddin Jusuf Habibie, lahir: Parepare, Sulawesi Selatan, 25 Jun 1936, pada tahun 1965 mendapat Doktor di "Technische Hohshule die Fakulttaet fuer Maschinenwesen", Aachen, Jerman dengan "summa cum laude". Sebelum menjawat Menteri Negara Riset dan Teknologi (tahun 1978) dan Ketua Industri Strategis dari syarikat negara, dia pernah bekerja menjadi sarjana ahli pada Pembangunan Pesawat Terbang "Messershmitt Bolkow-Blohm (MBB)", Jerman, pada tahun 1974 menjawat Timbalan Presiden Direktur Penerapan Teknologi MBB. Dengan kepakarannya dalam bidang pesawat terbang yang telah diakui oleh dunia antar bangsa, menyebabkan dia sangat mendapat kepujian dari segenab lapisan masyarakat. Agaknya keadaan inilah yang membawa dia pada periode ini mulai dekat dengan Presiden Suharto. Lihat, Kompas, 16-12-1990, dan Apa & Siapa Sejumlah Orang Indonesia, 1983-1984, Grafiti Pres, Jakarta, h.220-221.
7. Panji Masyarakat, No.766, September 1993, h.12.
8. Pelita, 12-5-1989.
9. Antara, 3-7-1989.
10. Kompas, 4-7-1989.

1. Merdeka, 27-7-1989.
2. Kompas, 8-6-1990.
3. Tempo, 8-7-1989.
4. Suara Pembaruan, 22-6-1989. Kedua pemerhati politik yang mewakili kelompok ABRI dan sivil, Jenderal Soemitro dan Dr. Alfian ini sangat terkenal. Jenderal Soemitro, kelahiran Jawa Timur, pada tahun 1973 dalam usianya 46 tahun telah menjabat Timbalan Panglima ABRI dan Panglima Kopkamtib. Setelah terjadi peristiwa Malari tahun 1974 dia sudah berundur dalam pemerintahan, namun sampai periode ini dia menjalankan fungsi yang sangat kritis terhadap pemerintahan Orde Baru. Dr. Alfian, kelahiran Sumatra Barat tahun 1940, memperoleh Doktor tahun 1969 dari "University of Wisconsin, AS" dalam bidang politik. Sebagai seorang peneliti kanan di Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI), dia telah menulis pelbagai buku dan artikel didalam dan luar negara. Pada periode ini dia sangat disegani oleh pelbagai kalangan tentang kepekerannya sebagai pemerhati politik di Indonesia. Lihat, Apa & Siapa Sejumlah Orang Indonesia 1983-1984, h.48-49.
5. Lihat, Max Lane, "Openness" Political Discontent and Succession in Indonesia; Political Developments in Indonesia, 1989-91. Australia-Asia Paper No.56, Griffth University, Dicember 1991, h.35. Lihat juga Tempo, 8-7-1989.
6. Tempo, 8-7-1989. Dr. Arief Budiman, lahir di Jakarta 1941, memperoleh Doktor di "Harvard University, AS" dalam bidang Sosiologi. Saat ini bekerja sebagai pensyarah Universiti Kristen Satya Wacana, Salatiga Jawa Tengah. Pelbagai buku dan artikel telah ditulisnya didalam dan luar negara. Dia termasuk tokoh pelajar menentang Orde lama dan dia juga sangat kritis terhadap rasuah dan kurang keadilan di masa Orde Baru. Lihat, Apa dan Siapa, h.135.
17. Kedaulatan rakyat, 30-7-1989.
19. Suara Pembaruan, 28-9-1990.
20. Max Lane, op.cit., h.43.
21. Ibid., h.43-44.

22. Ibid., h.44.
23. Ibid., h.50.
24. Tempo, 24-6-1989, h.29-30.
25. Ibid.
26. Tempo, 26-6-1989, h.26.
27. Ibid., h.22-23.
28. Leo Suryadinata, Golkar dan Militer, LP3ES, Jakarta, 1992, h.150.
29. Perjalanan ibadah Haji Pak Harto, Gunung Agung, 1994, h.220, lihat juga, Tempo, 6-7-1991. Munawir Sjadzali, MA. Lahir tahun 1925. Pendidikan dalam negeri di Pesantren. Pendidikan luar negara dari Universiti Exeter, Inggris dan Universiti Georgetown, Amerika Serikat. Sebelum menjawat Menteri Agama, pegawai tinggi di Kementerian luar sebagai "diplomat", dengan jawatan terakhir sebagai Direktur Jenderal Politik. Lihat, Apa dan Siapa, h.833-4.
30. Ibid.
31. Undang-undang Pendidikan Nasional, Balai Pustaka, 1990.
32. Yayasan Wakaf Paramadina, berkhidmat dalam bidang kajian Islam, banyak diminati oleh kalangan menengah di Indonesia. Ada lapan Menteri tercantum dalam pengurusinya. Sebagaimana pengakuan dari Munawir Sjadzali, Menteri Agama bahawa banyak orang-orang 'non-santri' menunjukkan perse-tujuannya dengan RUU Peradilan Agama. Pada tahun 1950-an telah terjadi perpaduan kurikulum pengajian agama dengan umum dengan kebijaksanaan Menteri Agama, Wahid Hasyim dan Menteri Pendidikan, Bahder Djohan, yang keduanya dari Masyumi, lihat, Tempo, 8-12-1990.
33. Tempo, 26-1-1990, h.20.
34. Leo Suryadinata, op.cit., h.149.
35. Perjalanan Haji, op.cit., h.236.
36. Pelita, 4-12-1990.
37. Kompas, 5 dan 7 -12-1990.
38. Pelita, 3-12-1990.
39. Merdeka, 5-12-1990.
40. Suara Pembaruan, 7-12-1990.

41. Tempo, 9-12-1990, dan 8-12-1990.
42. Pelita, 14-2-1991.
43. Editor, 14 dan 16-12-1991.
44. Pelita, 18-8-1992.
45. Tempo, 9-11-1991, h.22.
46. Panji Masyarakat, No.743. 20-1-1993, h.53.
47. Lihat, Pelita, 15-6-1991 dan juga Perjalanan Haji Pak Harto, op.cit, h.23-24.
48. Tempo, 6-7-91, h.26.
49. Leo Suryadinata, op.cit., h.149.
50. Max Lane, op-cit., h.46.
51. Tempo, 6-7-1991, h.26.
52. Michael Leifer, membuat tulisan yang berjudul Suharto's Pilgrimage to Mecca : Is There a Subplot?, dimuat dalam surat khabar International Herald Tribune, 21 Jun 1991, lihat Tempo, 6-7-1991,h.27. Margaret Scott menulis tulisan berjudul "Writes His Last Chapter" di surat khabar The New York Times Magazine, edisi 2 Jun 1991.
53. Tempo, 26-5-1991, h.23.
54. Kompas, 6-6-1989.
55. Tempo, 26-5-1990, h.23.
56. Ibid.
57. Kompas, 13-12-1989, Suara Pembaruan, 20-2-1990, Merdeka, 29-2-1991.
58. Merdeka, 7-5-1990.
59. Suara Karya, 21-5-1990.
60. Tempo, 26-5-1990.h.28.
61. Ibid. lihat juga, Michael R.J.Vatikiotis, op.cit, h.139.
62. Marta, No.65 Disember 1991, h.21; lihat juga, Evendy M.Siregar, op.cit., h.83.
63. Ibid., Evendy, h.86.
64. lihat Leo suryadinata, op.cit., h.153.
65. Lihat Tempo, 23-2-1991 dan ibid., h.153.
66. Tempo, 6-5-1992, h.29.
67. Leo Suryadinata, op.cit., h.153.
68. Tempo, 6-6-1992, h.29.

69. Kompas, 13-1-1992.
70. Editor, 30-5-1992.
71. Lihat, Suara Pembaruan, 26-5-1992 dan Suara Merdeka, 29-5-1992.
72. Merdeka, 22-5-1992.
73. Suara Karya, 27-5-1992.
74. Suara Karya, 25-5-1992.
75. Ridwan Saidi, Golkar Pasca Pemilu 1992, Gramedia, Jakarta, 1993. h.24.
76. Ibid., h.24.
77. Ibid., h.28.
78. Tempo, 30-5-1992.
79. PPP naik satu kerusi dibandingkan pilihan raya 1987, 61 kerusi, Golkar kehilangan 17 kerusi dari 299, sementara PDI naik 16 kerusi dari 40 kerusi tahun 1987. Lihat, Media Indonesia dan juga Kompas, 30-6-1992.
80. Leo Suryadinata, op.cit., h.157.
81. Tempo, 4 Juli 1992, h.24.
82. Kompas, 30-7-1992.
83. Berita Buana, 22-5-1992.
84. Kompas, 23-5-1992.
85. Kompas, 29 dan 30-5-1992.
86. Kompas, 11-5-1992, juga Evendi M.Siregar, op.cit., h.27.
87. Ibid., h.82.